

Menteri akan kuasai penuh ITM

Oleh HAJI RAHMAN RAHIM

BH 12 JAN 1976
KUALA LUMPUR, Isnin.

SATU rang undang-undang sedang di-
rangka bagi memberikan kuasa penuh
kepada Menteri Pelajaran terhadap Insti-
tut Teknologi MARA, demikian kata Dr.
Mahathir Mohamed, hari ini.

Dr. Mahathir Moha-
mad menerangkan de-
mikian setelah mene-
rima cek \$10,000 sum-
bangan Dunlop Malay-
sia Industries kepada
Majlis Sukan Sekolah-
scolah di pejabatnya
hari ini.

Katanya, undang-un-
dang itu kelak akan
membolehkan Menteri
Pelajaran bertindak te-
rus atas semua masalah
ITM.

"Setakat ini Menteri
Pelajaran bertindak atas
kuasa yang diberikan
kepadanya dibawah
Akta MARA," katanya.

Beliau menjelaskan
ITM dan Politiknik
Unsku Omar setakat ini
tidak termasuk di bawah
Akta Pindaan Universiti-
Universiti.

ritahu bahawa peratu-
ran-peraturan baru itu
akan dikuatkuasakan de-
ngan lebih berhati-hati
dalam pengambilan para
pelajar.

Keutamaan akan dibe-
rikan kepada mereka
yang kami fikirkan boleh
mendapat faedah dari
kemudahan-kemudahan
yang ditawarkan.

"Mereka yang terlibat
dalam kegiatan yang
merosakan akan dising-
kirkan", katanya.

Katanya lagi: "Mata-
lamat utama kami seka-
rang ialah mengeluarkan
siswazah-siswazah yang
berjaya dan bukan mem-
punyai ramai bilangan
pelajar."

Menurutnya, untuk
menjalankan usaha ini

Keselesaan

Beliau juga menjelas-
kan Kampus ITM di
Shah Alam hanya sesuai
untuk menampung 4,500
penuntut, tetapi bila-
ngan sekarang mening-
kat lebih 7,000.

"Dengan bilangan
yang besar ini ITM tidak
dapat memberikan ke-
mudahan dan keselesaan
yang memuaskan ke-
pada pelajar-pelajar.

"Usaha untuk mengu-
rangkan bilangan pe-
lajar kepada satu angka
bilangan yang sesuai
akan dijalankan ber-
ansur-ansur," katanya.

Dalam keadaan se-
karang ITM telah mele-
bih menggunakan ke-
mudahan-kemudahan
dan tenaga pengajar
yang ada.

Pada masa ini terda-
pat kira-kira 600 tenaga
pengajar dan ramai
lagi bertugas secara
sambilan untuk keper-
luan kira-kira 7,000
orang pelajar.

Dari segi nisbah guru-
pelajar, keadaan ini ti-
daklah sehat.

Berhati-hati

Dr. Mahathir membe-

ada kemungkinan besar
pelajar yang terlibat
di Kampus ITM Shah
Alam baru-baru ini akan
dibuang atau digantung
persekolahan mereka.

"Tiap-tiap kes akan
dikaji dengan teliti ber-
dasarkan kebolehan dan
kelulusan mereka," ka-
tanya.

Disiplin

Mengenai empat orang
pelajar ITM yang dita-
han oleh polis baru-baru
ini, beliau menjelaskan
setakat ini belum dipu-
tuskan apakah tindakan
yang akan diambil ter-
hadap mereka.

Beliau menerangkan
Kerajaan akan menentu-
kan masaalah seperti itu
tidak berulang.

Dr. Mahathir mene-
gaskan bahawa kuatku-
asa tatatertib akan dilak-
sanakan sepenuhnya bila
ITM itu dibuka.

Beliau juga menerang-
kan kemungkinan me-
nambah tenaga penga-
jar untuk memperbaiki
mutu pelajaran pelajar-
pelajar itu.

Menurutnya, setakat
ini bilangan kakitangan
seramai 600 orang termas-
uk mereka yang bekerja
sebagai sambilan.